

Rumah atas anak sungai dipindah

Projek tebatan dilaksana atasi banjir di Kampung Baru Batu 8

Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah
Ismail
bhnews@bharian.com.my

LABU: Masalah banjir kilat yang sering melanda Kampung Baru Batu 8 di sini, akhirnya menemui jalan penyelesaian apabila premis yang dibina merintang Sungai Batang Labu, akan dipindahkan ke tempat lain, sekali gus membolehkan pengaliran air sungai lebih lancar.

Kewujudan bangunan yang dibina atas anak sungai itu dikenal pasti sebagai antara punca menyebabkan banjir kilat sering berlaku di kampung itu setiap kali hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Hal Ehwal Pengguna dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Hásim Rusdi, berkata keengganan pemilik premis terbabit berpindah menyebabkan projek tebatan banjir tidak dapat dilaksanakan sejak lima tahun lalu.

Katanya, kejadian banjir kilat baru-baru ini menyedarkan mereka supaya bersetuju dengan perancangan kerajaan yang mahu melaksanakan projek itu.

"Kedegilan mereka bukan saja merugikan penduduk Kampung Baru Batu 8, malah beberapa kampung dan taman perumahan berhampiran sungai itu.

"Setiap kali kerajaan mahu menyelesaikan masalah itu, sesetengah pemilik premis menentang dan tidak mahu ber-



HASIM (dua dari kanan) melawat anak Sungai Batang Labu di Kampung Batu 8, Labu.

pindah menyebabkan masalah itu berlarutan hingga menyukarkan kehidupan penduduk sekitar," katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian bantuan bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Balai Raya Kampung Seri di sini.

Dalam kejadian banjir baru-baru ini, kira-kira 2,000 penduduk di Kampung Baru Batu 8, 9 dan 10 di sini, terjejas

apabila rumah mereka dinaiki air setinggi 1.2 meter apabila air melimpah dari Sungai Batang Labu dan Sungai Batang Labu.

Hasim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Labu melahirkan perasaan lega dengan persetujuan pemilik premis terbabit berpindah, sekali gus membolehkan projek tebatan banjir dilaksanakan dengan segera untuk

kebaikan penduduk.

Katanya, pembinaan premis merintang sungai juga menyalaui peraturan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Saya berharap dengan sistem pengaliran yang sempurna dapat menghalang kejadian banjir kilat di kawasan ini kerana anak sungai itu tidak lagi dihalang bangunan yang

menyebabkan pengaliran air tersekat dan menyebabkan banjir kilat," katanya.

Bagaimanapun, katanya jika banjir masih berlaku, kerajaan akan memikirkan cara lain kerana kepesatan pembangunan kawasan sekitar sungai menyebabkan pengaliran air sungai dihalang oleh pelbagai halangan, terutama bangunan.